

UPM Alumni Golden Fit terima pengiktirafan The Malaysia Book of Records

Berita Utama - 2



Manifestasi Kejayaan 50 Tahun jadi platform merencana lonjakan masa depan
Fokus - 3

Inisiatif Putra Cakna dorong vaksinasi demi kesejahteraan warga UPM

Expert Point of View - 6



Tuanku Chancellor's Commendation on UPM's 50th Anniversary

"I wish you a Happy 50th Anniversary of establishment, Universiti Putra Malaysia (UPM)."

In pursuing the journey and excellence of UPM as a university, I have witnessed endless achievements by this renowned institution as 'Menara Ilmu' in generating new knowledge through research, imparting knowledge to students and transferring knowledge to the community.

During this 50 years as a reputable public university, UPM has accomplished remarkable feats,

including driving the national agenda in agriculture and food security.

UPM will continue to produce more graduates to cater job requirements in various sectors. Since 1971, UPM has produced 24,628 Doctor of Philosophy (PhD); 52,921 Master's Degree; 169,042 Bachelor's Degree and 37,031 Diploma graduates.

Over the years, UPM has been playing such a significant role in the country's development and community's well-being. It has been producing exceptionally outstanding

and future-proof graduates, carrying out high quality research and succeeding in knowledge transfer. I have also witnessed that UPM has been very active in public advocacy by providing insights to the community on current issues relating to their lives.

I will continue to pray hard for UPM to maintain its excellence for the next 50 years and so. Congratulations to UPM and the Tribun Putra Special Edition in conjunction with UPM's 50th Anniversary Celebration.



UPM enforces strict SOP compliance for students

By: Noor Eszereen Juferi

SERDANG, October 15 – Universiti Putra Malaysia (UPM) implements strict compliance of the Standard Operating Procedures (SOPs) for students returning to campus for the 2021/2022 session starting today to prevent the spread of COVID-19 infections in campus.

UPM Vice-Chancellor, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, said UPM is now actively preparing to welcome students back to campus by coordinating data of students who are allowed to return after completing two doses of vaccines, students' movements and residential college preparations.

"As students are returning to campus in stages, learning sessions will be held according to phases to enable UPM to coordinate movement of students in campus," he said.

He added that under Phase 1, an estimated 4,000 students will be returning to campus.

For Phase 1: Admission for clinical training, teaching training and industrial training students that requires on-campus accommodation, students who need to conduct laboratory work, B40 students who require internet facilities and conducive studying environment, from October 15 to 17, 2021.



“Teaching and learning will be conducted face-to-face and hybrid, subject to strict SOP compliance from December 10, 2021.”

Phase 2: Admission of students who need to undergo teaching and learning in labs (lectures will be conducted online – hybrid teaching and learning) from November 3 to 7, 2021.

Phase 3: Full admission of students to campus (except those who have not completed two doses of vaccines). Teaching and learning will be conducted face-to-face and hybrid, subject to strict SOP compliance from December 10, 2021. – UPM

UPM releases exclusive Gold Bar, Setem Ku Korporat for Golden Jubilee Celebration

SERDANG – Universiti Putra Malaysia (UPM) has released an 'Exclusive Gold Bar' and 'Setem Ku Korporat' (commemorative stamps) for the first time to commemorate UPM's Golden Jubilee Celebration in conjunction with its 50th Anniversary (1971-2021).


The Exclusive Gold Bar was released as a token of remembrance and appreciation in depicting the tenacity, resilience and commitment of UPM's community during its 50 years of university development.

This exclusive souvenir is also a 'Bersama Kita Membeli Sambil Menyumbang' project (Together We Buy and Contribute), towards UPM development excellence.

Meanwhile, the 'Setem Ku Korporat' is a stamp collection issued by Pos Malaysia Bhd to celebrate and commemorate an important or historic event for an institution through suitable illustrations of the anniversary event. – UPM



UPM Alumni Golden Fit terima pengiktirafan The Malaysia Book of Records



Oleh: Pusat Perhubungan Alumni

SERDANG, 6 Ogos – Sejarah tercipta buat Universiti Putra Malaysia (UPM). Program yang awalnya dirangka khas untuk menyemarakkan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UPM (1971-2021) telah memberikan impak yang cukup besar walaupun pelaksanaannya semasa pandemik COVID-19.

Dengan kejayaan memperoleh penyertaan terbesar iaitu seramai 6,203 alumni, telah melayakkan program ini dinobatkan sebagai rekod penyertaan terbesar dalam acara kecergasan alumni universiti di The Malaysia Book of Records (MBR).

Program secara maya ini bermula pada 5 Februari sehingga 30 Julai 2021. Acara ini membenarkan peserta untuk memilih aktiviti kecergasan yang bersesuaian dengan mereka antaranya berjalan kaki, berlari, menunggang basikal dan berkuda.

Para peserta boleh memilih kategori yang ingin disertai dengan jarak yang dibenarkan iaitu 50 km, 25 km, 10 km dan 5 km. Lebih istimewa lagi, setiap kategori menerima cenderahati eksklusif antaranya adalah pingat yang mana rekaannya berbentuk logo Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UPM yang pasti akan menjadi bahan kenangan sepanjang zaman.

Program ini merupakan kerjasama di antara Pusat Perhubungan Alumni bersama pelajar UPM di bawah Chapter Student Ambassador (CSA), Persatuan Alumni UPM (PAUPM) dan KDS Apparel.

Majlis penyerahan Sijil The Malaysia Book of Records ini, diadakan secara maya dan dihadiri oleh Prof. Dr. Roslan Sulaiman, Naib Canselor UPM; Prof. Dr. Arifin Abdu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni); Dato' Raihan Sharif, Presiden Persatuan Alumni UPM (PAUPM); Prof. Madya Dr. Arba'e Sujud, Pengarah Pusat Perhubungan Alumni; Encik Fahmi Azar Mistar, Timbalan Pengarah ARCUPM; Encik Edwin Yeoh Teong Chin, Perunding Rekod Kanan, The Malaysia Book of Records; Cik Sabrina Abdu Hadid, Pengarah Program UPM Alumni Golden Fit, Jawatankuasa Pengurusan Universiti, Pegawai-Pegawai Kanan UPM, para alumni dan warga kampus.

Prof. Madya Dr. Arba'e berkata UPM Alumni Golden Fit telah mewujudkan satu sumbangan alumni yang sangat signifikan iaitu perwujudan satu Biasiswa Menteri Besar Selangor kepada pelajar UPM dan pembinaan Arca 50 Tahun UPM yang akan dibina kelak.

“Saya yakin dan percaya kejayaan program ini adalah hasil tuaian kepada jalinan hubungan yang erat di antara alumni, pelajar dan warga kampus. Tanpa hubungan yang kukuh tidak mungkin program ini dapat memberi impak seperti yang diharapkan. Inilah semangat kecintaan dan kebersamaan yang ingin kita perkasakan selari dengan slogan ‘Kami Bangga Menjadi Alumni UPM’ agar matlamat “Bersama Mencitra Alumni UPM” dapat direalisasikan,” katanya.

Prof. Dr. Roslan pula menzahirkan rasa kagum atas kegigihan para pelajar dalam merealisasikan acara kecergasan ini demi menyemarakkan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UPM.

Beliau turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada pelajar CSA iaitu sebuah chapter pelajar di bawah ARCUPM kerana berjaya melaksanakan program UPM Alumni Golden Fit dengan penuh kecemerlangan. Beliau turut mengucapkan penghargaan kepada Menteri Besar Selangor melalui Menteri Besar Incorporated kerana telah menaja program UPM Alumni Golden Fit.

Prof. Dr. Roslan juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada jawatankuasa pelaksana program UPM Alumni Golden Fit dan jawatankuasa perunding The Malaysia Book of Records atas penganugerahan sijil itu. Beliau kemudian merasmikan sesi penyerahan Sijil The Malaysia Book of Records UPM Alumni Golden Fit 2021. – UPM

Inilah semangat kecintaan dan kebersamaan yang ingin kita perkasakan selari dengan slogan ‘Kami Bangga Menjadi Alumni UPM’ agar matlamat “Bersama Mencitra Alumni UPM” dapat direalisasikan,

NOTA KETUA EDITOR



Tribun Putra kali ini muncul dengan Edisi Khas Sambutan Keunggulan 50 Tahun UPM. Sejak awal tahun lalu, telah banyak aktiviti dan program yang disusun bagi warga universiti khususnya meraikan sambutan ini. Dalam hal ini, beberapa program telah disusun, antaranya Majlis Evolusi Keunggulan 50 Tahun UPM sempena Sambutan Ulang Tahun ke-50 UPM. Majlis ini turut menyaksikan Simbolik Penyerahan Gold Bar dan Penjuluan Setem Ku Korporat, pelancaran Tribun Putra Wajah Baharu dan Edisi Khas Sambutan Keunggulan 50 Tahun serta Smart Putra@Premium dan Smart Putra@VDI. Atas semangat kekeluargaan dan solidariti yang tinggi, sambutan ini wajar diraikan oleh semua warga dan juga para alumni yang dikasihi.

Pada masa sama, banyak pencapaian yang diperolehi oleh UPM dalam menjayakan misinya sebagai Menara Ilmu seiring dengan saranan dalam Naratif Naib Canselor. Dalam mendepani impak penularan pandemik COVID-19 dan situasi VUCA, penyelidik UPM telah berjaya membangunkan Modul Komunikasi Risiko dan Krisis bagi Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) termasuk universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta, politeknik dan kolej komuniti.

Pembukaan kampus telah pun diumumkan oleh YB. Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad. UPM telah pun mulai menerima kemasukan pelajar secara berperingkat. Universiti sentiasa prihatin dalam soal kebijakan dan kesejahteraan pelajar. Meskipun berlakunya penurunan kes COVID-19 dan negara akan beralih ke era endemik, kita perlu sentiasa berjaga-jaga dan mengamalkan SOP untuk keselamatan semua. Norma baharu masih lagi relevan dan perlu kekal menjadi budaya kehidupan kita.

Selamat Membaca.
Selamat Kembali Ke Menara Ilmu.

IWGM 2021 bincang teruskan usaha kelestarian

SERDANG, 25 Ogos – The 7th International Workshop UI GreenMetric World University Rankings (IWGM 2021) membincangkan mengenai meneruskan usaha kelestarian dalam keadaan pandemik COVID-19.

Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang berkata tahap kesihatan manusia, haiwan dan alam sekitar adalah perkara yang saling bergantung dan berkait rapat dengan kesihatan planet.

Katanya terdapat sembilan faktor yang menyebabkan bumi kini berada dalam keadaan bahaya iaitu Biosphere Integrity, Climate Change,

Novel entities, Stratospheric Ozone Depletion, Atmospheric Aerosol Loading, Ocean Acidification, Biogeochemical Flows, Freshwater Use, dan Land-system Change.

“Antara fokus utama negara bagi melestarikan kawasan bandar adalah menukar infrastruktur sedia ada kepada konsep “infrastruktur hijau” supaya mempunyai lebih kawasan hutan untuk mengurangkan risiko perubahan iklim serta melestarikan tanah yang digunakan,” katanya.

Beliau berharap agar Malaysia mempunyai kampus pertama yang berstatus “karbon rendah” pada masa hadapan serta semua reka

bentuk kampus di negara ini menitik beratkan hal-hak berkaitan kelestarian terutamanya penjanaan elektrik oleh kemudahan awam dan sistem pengangkutan.

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini berkata demikian dalam ucaptamanya bertajuk Climate Action within Planetary Health pada program IWGM 2021 anjuran bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universitas Indonesia (UI) yang berlangsung selama tiga hari bermula 24 hingga 26 Ogos 2021.

Bengkel antarabangsa yang bertemakan Universities, UI Greenmetric and SDGs in the Time of Pandemic ini menyaksikan lebih 50

pembentang dari 30 buah negara berkongsi amalan terbaik di kampus masing-masing dalam melaksanakan usaha kelestarian.

IWGM 2021 turut membincangkan topik seperti Isu dan Inovasi dalam Pengurusan Penetapan Infrastruktur; Isu dan Inovasi dalam Menguruskan Sisa; Isu dan Inovasi dalam Menguruskan Air; Isu dan Inovasi dalam Menguruskan Pengangkutan serta Isu dan Inovasi dalam Menguruskan Bidang Pendidikan. – UPM



Manifestasi KEJAYAAN 50 TAHUN

platform merencana lonjakan masa depan

Oleh: Azman Zakaria

SERDANG : Universiti Putra Malaysia (UPM) kini antara Universiti Penyelidikan terulung di tanah air dan semakin mengukir nama di persada antarabangsa, namun perlu terus fokus seiring tuntutan globalisasi, ekonomi digital dan pasca COVID-19, dengan menggubal model pencapaian dan kejayaan baharu, untuk meneruskan kejayaan gemilang.

Manifestasi pelbagai kejayaan yang ditempa dalam usia 50 tahun sebagai universiti perlu dijadikan platform lonjakan dalam merencana langkah bagi terus menyasarkan pencapaian prestasi tinggi daripada segi nilai graduan, hasil penyelidikan dan sumbangan kepada masyarakat.

Ahli akademik dan alumni UPM sepakat Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UPM wajar diraikan sebagai menghargai aspirasi kecemerlangan dan kejayaan semua pihak dalam pembangunan UPM, mengenang kembali sejarah penubuhan universiti dan menjadikannya sebagai pencetus semangat untuk terus membangun ke arah pencapaian lebih tinggi.

Bekas Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin berkata, harapan pihak berkepentingan terhadap pengajian tinggi adalah besar yang meliputi pembangunan sumber manusia yang boleh memberi 'reason well,' menjana inovasi berdasarkan penyelidikan yang membawa kepada pengkomersialan dan penciptaan kekayaan serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Beliau yang juga Alumni tahun 1978 berkata, UPM perlu bersedia untuk memberikan sumbangan yang diharapkan itu terutama dalam menjamin sekuriti makanan negara. Jelasnya lagi, pertanian yang begitu sinonim dengan UPM tetap menjadi bidang tujuhan, meskipun di sebalik pertukaran namanya daripada 'pertanian' kepada 'putra'.

"Sebenarnya UPM tidak pernah meninggalkan bidang pertanian. Bahkan UPM terus memberi fokus kepada pemodenan sektor pertanian yang bukan hanya tertumpu kepada pengeluaran tetapi keseluruhan rantaian nilai," katanya.

Bermula dengan tiga fakulti asas - Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan, dan Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Penternakan - pada 1971, UPM kini mempunyai 15 fakulti dan 10 institut dalam pelbagai bidang.

Menurutnya, kewujudan fakulti dan institut lain menjadi pelengkap kepada fakulti dan institut yang berteraskan pertanian sesuai dengan kemajuan ilmu yang merentas disiplin dan mewujudkan sinergi tinggi. Skop pertanian juga

berubah daripada hanya berorientasikan pengeluaran kepada berorientasikan keseluruhan rantai nilai. Selain bilangan fakulti dan institut penyelidikan yang berteraskan pertanian, tiga pusat perkhidmatan - Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Taman Pertanian Universiti (TPU), dan Hospital Universiti Haiwan (UVH) - memberi tumpuan kepada aktiviti pertanian.

"Tagline UPM 'Pertanian. Inovasi. Kehidupan' jelas memperkatakan UPM adalah 'custodian' dan memainkan peranan utama dalam pendidikan pertanian di negara kita," katanya.

Beliau juga berkata, penawaran bidang pengajian baharu tidak bermakna kepentingan bidang pertanian telah terhakis, sebaliknya bidang pengajian baharu itu menjadi pelengkap kepada kekuatan bidang pertanian.

Untuk memperkasakan lagi sumbangan kepada bidang pertanian ekoran sangat kecil bilangan graduan UPM terutama graduan pertanian mencebur kerjaya usahawantani pada masa ini, katanya, usaha perlu dipertingkatkan bagi menerapkan ciri-ciri usahawantani kepada pelajar yang berminat dan cenderung terhadap kerjaya itu.

Pengarah Rhone Ma Holdings Bhd, Dr Lim Ban Keong, yang juga alumni UPM, berkata beliau berbangga dengan pencapaian yang dikehendaki UPM, terutamanya memperkuatkan reputasi di peringkat antarabangsa dan pengiktirafan oleh pelbagai badan penarafan.

Katanya, UPM semakin dikenali bukan sahaja dalam negara, malah di peringkat antarabangsa melalui usaha Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), sumbangan warga UPM kepada masyarakat serta inisiatif UPM dalam menjalankan kerjasama rapat dengan sektor komersial untuk melahirkan modal insan berkualiti dan berdaya saing.

"Daripada segi bioteknologi, saya yakin UPM boleh membantu industri kesihatan dan nutrisi haiwan Malaysia dengan memperbaiki penyelesaian inovatif yang sedia ada sama ada melalui pengeluaran produk baharu atau aplikasi terbaharu," katanya sambil menyarankan agar UPM lebih menerokai kerja-kerja R&D dalam segmen vaksin untuk manusia serta haiwan.

Dr Lim yang juga Ahli Lembaga Yayasan Pak Rashid UPM berkata inisiatif UPM yang menjalankan kerjasama dengan melibatkan alumni yang pakar dalam bidang tersendiri dan pemain industri utama banyak menyumbang kepada kejayaan dalam bidang penyelidikan.

"Saya sarankan agar diperbanyakkan usaha kerjasama dengan sektor komersial untuk mewujudkan lebih banyak perkongsian pengetahuan dan kemahiran antara kedua-dua pihak. Inisiatif lain yang boleh diterokai adalah jalinan kerjasama bersama pakar dan syarikat multinasional di luar negara yang sekaligus boleh memberi faedah kepada pemain industri sektor komersial," katanya.

Pesara guru dan alumni UPM, Noorizan Mohammed berkata, untuk UPM mengekalkan keunggulannya di persada dunia, seluruh warga universiti perlu sederap berusaha dan komited menjayakan lapan matlamat yang ditetapkan oleh UPM bagi merealisasikan wawasannya.

Katanya, tenaga pengajar dan pelajar perlu sentiasa meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kualiti penyelidikan seiring dengan kepesatan transformasi pendidikan di era globalisasi ini terutama ketika pandemik COVID-19 yang memerlukan semua pihak celiak teknologi maklumat (*IT savvy*), bersesuaian dengan moto universiti 'Berilmu Berbakti'.

Noorizan yang juga Tokoh Guru Kebangsaan 2021 berkata beliau amat gembira menjadi sebahagian daripada UPM, lebih-lebih lagi beliau, suami, dua anak mereka, dan menantu adalah lepasan UPM.

Katanya, untuk beliau sampai ke peringkat sehingga terpilih sebagai Tokoh Guru bukan mudah, dan ia bermula dari hari pertama menjadi guru sehingga hari ini, termasuk menrefleksi segala pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang dilalui setiap hari, keinginan untuk berubah (sebagai *agent of change*), *kaizen/continuous improvement* dan pembelajaran sepanjang hayat, komunikasi berkesan dan sikap sabar di dalam menghadapi rintangan.

Pendaki Gunung Everest, Ravichandran Tharumalingam berkata semangat yang membawa beliau sehingga berjaya mendaki ke puncak tertinggi dunia Gunung Everest pada 2006 sekaligus meletakkan dirinya di dalam Malaysia Book of Records sebagai Pendaki Gunung Everest Solo Negara adalah hasil pembentukan diri serta budaya budaya positif yang diterapkan semasa di UPM.

Ravichandran yang juga Pengarah Urusan Easewise Management Sdn. Bhd. berkata, setelah berada di puncak Gunung Everest berketinggian 8,848m (29,032 kaki) itu dan pulang ke tanah air, beliau sedar bahawa cara kerja yang ada pada dirinya sangat membantu dalam kerjaya di bidang perniagaan dan sebagai pendaki gunung profesional.

"Saya sedar, setiap detik kejayaan saya sangat berkait rapat dengan kehidupan saya sebagai penuntut di UPM selama lima tahun (1985-1990). Saya bangga menjadi alumni UPM dan akan terus menggunakan semua aspek ini untuk pencapaian yang lebih tinggi di masa akan datang."

"Apabila saya renung semula projek lima tahun untuk sampai ke puncak Gunung Everest, saya sedar bahawa kepimpinan, budaya kerja, disiplin dan semangat menerima cabaran yang ada pada saya, semuanya datang daripada penglibatan dalam aktiviti kurikulum semasa di UPM, seperti mewakili pasukan bola sepak, UPM dari tahun 1985-1990, dan mewakili pasukan bolasepak Universiti Malaysia di kejohanan Sukan Universiti ASEAN 1986 di Singapura dan 1988 di Thailand," katanya.

Beliau berkata, UPM mesti terus menghasilkan graduan yang berkualiti tinggi bukan sahaja dalam akademik tetapi juga mempunyai sifat berani menempuh cabaran dalam semua aspek kehidupan. - UPM



“ UPM terus memberi fokus kepada pemodenan sektor pertanian yang bukan hanya tertumpu kepada pengeluaran tetapi keseluruhan rantaian nilai ”



Ravi holding "UPM - Banner" on summit of Mount Elbrus on 27th July 2018



Potnet MEMORI 50 TAHUN UPM





Inisiatif Putra Cakna dorong vaksinasi demi kesejahteraan warga UPM

Oleh
BUKRYMAN SABRI
 Felo Bersekutu (Perhubungan dan Kebajikan)
 Pejabat Naib Canselor UPM



Penularan pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada kelangsungan hidup, keselamatan dan kesihatan dalam kalangan warga Universiti Putra Malaysia. Kawalan pergerakan dan limitasi yang dikuatkuasa dalam beberapa perkara yang melibatkan hal ehwal pentadbiran dan pengurusan staf dan pelajar telah dilaksanakan. Hal ini bertujuan untuk membendung perebakan wabak dan menjaga kesihatan warga kampus Hijau. Usaha ini selari dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan terkini Pelan Pemulihan Negara Majlis Keselamatan Negara.

Warga UPM seharusnya memahami bahawa penyebaran Virus COVID-19 adalah sangat berbahaya. Hal ini terbukti apabila sehingga 24 Ogos 2021 sebanyak 1,593,602 kes kumulatif telah dicatatkan di seluruh negara. Pada tahun 2020, WHO juga telah menetapkan bahawa wabak COVID-19 ini adalah pandemik global. Justeru, selain pematuhan SOP yang ketat seperti mengamalkan penjarakan sosial, sentiasa membasuh tangan dan menggunakan pelitup muka; Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan juga telah dilancarkan bagi mengekang wabak ini.

Program ini diharap dapat membentuk imuniti kelompok (herd immunity) bagi rakyat Malaysia dalam usaha kerajaan untuk mengekang penyebaran virus COVID-19. Imuniti kelompok dapat disimpulkan sebagai perlindungan daripada penyakit berjangkit yang terbentuk apabila sebahagian besar kelompok masyarakat mempunyai imuniti dan terlindung daripada jangkitan penyakit tersebut.

Situasi COVID-19 di negara ini dilihat semakin meruncing

dari hari ke hari. Beberapa masalah dan kekangan telah mengheret kita ke tahap yang semakin serius ketika ini. Satu-satunya harapan kita untuk kembali kepada tahap wabak yang terkawal adalah melalui program vaksinasi yang cekap diurus yang akan mempercepat kadar pelaksanaannya. Jumlah pemberian vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) adalah sebanyak 31,792,363 Dos dan jumlah individu yang telah mendaftar untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 adalah seramai 22,958,829 orang setakat 23 Ogos 2021.

Sehubungan dengan itu, semua warga UPM samada staf dan pelajar yang layak diberikan suntikan vaksin COVID-19 perlulah cakna vaksinasi iaitu mendaftar bagi mendapatkan suntikan vaksin masing-masing. Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM) telah mengambil satu langkah yang pro-aktif dengan membuka pendaftaran suntikan vaksin COVID-19 kepada staf dan juga ahli keluarga yang layak bagi membantu universiti mempercepatkan kadar vaksinasi dalam kalangan warga UPM.

Vaksinasi itu amat penting untuk semua warga UPM bagi membentuk imuniti

“ Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM) telah mengambil satu langkah yang pro-aktif dengan membuka pendaftaran suntikan vaksin COVID-19 kepada staf dan juga ahli keluarga yang layak bagi membantu universiti mempercepatkan kadar vaksinasi dalam kalangan warga UPM ”

berkelompok dengan memastikan sekurang-kurangnya 80 peratus staf dan pelajar di UPM menerima vaksin. Hal ini adalah penting bagi melindungi golongan yang rentan iaitu mereka yang mudah dijangkiti penyakit disebabkan sistem atau fungsi tubuh yang rendah atau menurun dalam kalangan

warga UPM atau ahli keluarga seperti kanak-kanak, orang tua, pesakit kanser, pesakit asma dan pesakit penyakit kritis. Ini secara langsung dapat membendung penularan jangkitan COVID-19 ini dalam kalangan warga UPM dan ahli keluarga juga. Melalui cakna vaksinasi ini, adalah diharapkan sasaran untuk mencapai imuniti kelompok di UPM ini akan dapat dicapai sebelum akhir tahun ini.

Oleh demikian, marilah kita semua warga UPM memainkan peranan masing-masing, dengan mematuhi langkah-langkah kesihatan awam dan pastikan kita mendorong serta memberi kesedaran kepada rakan-rakan sekerja, ahli keluarga dan masyarakat di sekeliling kita mendapatkan suntikan vaksin secepat mungkin. Pihak Pengurusan Universiti akan terus memberi kesedaran kepada warga UPM tentang kepentingan vaksin dan membetulkan salah tanggapan terhadap vaksin ini agar cakna vaksinasi ini berjaya dan mencapai imuniti kelompok di UPM.

Forest education crucial to achieving sustainable development goals

By : PROFESSOR DR. HAZANDY ABDUL HAMID
 Dean, Faculty of Forestry and Environment, UPM



Education for Sustainable Development Goals (SDGs) is acknowledged as a critical enabler of all other SDGs and an integral part of SDG-4 on quality education. The sustainable management of forests is pivotal to achieving the SDGs.

Forests are where most of us learn about the importance of nature in our lives and are now becoming a pillar of solving global issues such as overpopulation, desertification, climate change and loss of biodiversity – judging from the fact that forests provide a living for around 1.6 billion people. More than 80% of all terrestrial animal, plant, and insect species can be found in forests. Out of 8,300 animal breeds recorded, 8% are extinct, and 22% are on the verge of extinction. Less than 1% of the over 80,000 tree species have been discovered for their potential uses. Forests are a stabilising force for the

climate where they regulate ecosystems and play an integral part in the carbon cycle.

Hence, there is a need to introduce forest education and training for long-term forest sustainability and production, as well as for producing an informed population who understands the various complexities of sustainable forest management at all levels.

Forest education aids in the integration of ecosystem and biodiversity protection values into national and local planning, development, and poverty reduction strategies and it is crucial in achieving SDG-15.

However, forest education is still insufficient at all levels, from primary schools to universities for many countries, including Malaysia. As one of the world's megadiverse countries, forest education should be introduced at all levels of education in Malaysia starting with early childhood, primary and secondary education.

Learners at early childhood care begin to understand through experiential learning to comprehend the value of biodiversity and the problems it faces, as well as the concept of endangered species and habitat loss.

Their appreciation for the need to protect biodiversity is raised as they learn to employ thinking skills to grasp

ecosystem interdependencies at primary level. Students' understanding of the effects of land-use change actions is deepened at secondary level. They become more aware, explore, and support potential, environmentally sustainable solutions through rigorous research of the environmental impact of various activities.

While forest education has progressed in most places in the world, with an increase in the number, diversity and qualifications of graduates, its resources remain insufficient or limited in our country. We must urgently boost all levels of formal forest education in order to prepare the future workforces and entrepreneurs in forest-related businesses by working closely with the Ministry of Education.

Introducing forest education curricula and training systems in schools, and launching a public awareness campaign to encourage young people to pursue careers in the forest should be designed and strengthened.

An effective forest education is essential if we were to solve any forest-related issues and realise the full benefits of forests in achieving the Sustainable Development Goals.

“ Hence, there is a need to introduce forest education and training for long-term forest sustainability and production, as well as for producing an informed population that understands the various complexities of sustainable forest management at all levels. ”



UVH UPM jalankan pembedahan Caesarean, transfusi plasma kepada kuda

Oleh: Prof. Madya. Dr. Nurul Hayah Khairuddin



SERDANG, 11 Jun – Jabatan Perubatan dan Pembedahan Haiwan Ladang dan Eksotik (JPPHLE), Hospital Veterinar Universiti (UVH), UPM menerima satu kes seekor kuda bunting yang dirujuk dari Terengganu yang mengalami kolik dan disyaki menunjukkan tanda-tanda beranak sejak enam hari lepas. Kuda itu tiba di UVH pada 11 Jun lalu dan hasil pemeriksaan melalui

palpasi rektum dan saluran peranakan, mendapati keadaan fetus adalah sempurna namun bukaan serviks tidak berlaku serta tanda kolik disebabkan sumbatan pada kolon.

Hasil perbincangan bersama pakar perunding pembedahan haiwan besar dan kuda, Prof. Madya Dr. Nurul Hayah Khairuddin dan pakar reproduksi haiwan, Dr. Mark Hiew Wen Han berserta pegawai-pegawai veterinar di JPPHLE, satu pembedahan laparotomi eksploratori telah dijalankan ke atas ibu kuda itu sebagai usaha menyelesaikan masalah kolik dan seterusnya melakukan pembedahan Caesarean untuk menyelamatkan anak di dalam kandungan.

Pembedahan melibatkan tiga pasukan iaitu pasukan anestesi (diketuai oleh Dr. Noorashimah Roslim dan dibantu oleh Dr. Wan

Sukri dan Dr. Benedict Ong), pasukan pembedahan (diketuai oleh Dr. Nurul Hayah dan Dr. Syahirah) dan pasukan resusitasi pada anak kuda (diketuai oleh Dr. Mark Hiew dan dibantu oleh Dr. Wan Sukri dan Dr. Luqman Samad).

Anak kuda itu dapat diselamatkan melalui kaedah pembedahan, resusitasi kardiopulmonari (CPR) yang berjaya dilakukan. Namun begitu ibunya tidak dapat diselamatkan.

Pelbagai usaha dibuat bagi memastikan anak kuda tersebut dalam keadaan baik sepanjang penjagaan. Antara rawatan yang diberikan ialah penjagaan rapi dan intensif selama 24 jam untuk enam hari berturut-turut.

Selain itu, buat pertama kalinya transfusi plasma telah dijalankan bagi meningkatkan sistem imun badan pada anak kuda untuk memastikan anak kuda

mendapat imuniti pasif dari plasma yang diambil dari kuda lain yang menjadi penderma darah untuk anak kuda itu.

Setelah dua kali transfusi plasma dilakukan, akhirnya anak kuda itu menunjukkan perkembangan positif dan mampu berdiri dengan sendiri.

Ini adalah satu pencapaian bagi JPPHLE, UVH, UPM kerana buat pertama kalinya pembedahan Caesarean dan transfusi plasma dari penderma darah telah dilakukan pada seekor kuda di UVH.

Antara cabaran terbesar sepanjang penjagaan anak kuda itu adalah memastikan imuniti pasif meningkat melalui terapi plasma supaya ada keimunan terhadap jangkitan kuman. – UPM



Penyelidik UPM bangunkan Modul Komunikasi Risiko dan Krisis bagi IPT

Oleh: Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain

SERDANG – Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya membangunkan Modul Komunikasi Risiko dan Krisis bagi institusi pendidikan tinggi (IPT) termasuk universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta, politeknik dan kolej komuniti.

Modul ini telah dilancarkan oleh Menteri Pengajian Tinggi, YB. Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad secara dalam talian bersekali dengan webinar “Risk and Crisis communication to protect public health and institutional resilience” baru-baru ini.

Modul yang pertama seumpamanya ini telah dibangunkan berdasarkan hasil dapatan kajian daripada geran penyelidikan yang bertajuk Komunikasi Risiko Untuk Kesihatan Awam, di bawah pembiayaan Malaysia One Health University Network (MyOHUN) COVID-19 Supplementary Fund. Ia juga projek penyelidikan yang disokong oleh United States Agency for International Development (USAID) One Health Workforce Next Generation (OHW-NG) project.

Menurut Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, modul ini sememangnya bertepatan dengan keperluan semasa apabila pembukaan kampus akan dilakukan pada bulan depan. Impak penularan pandemik COVID-19 telah mengubah cara IPT berfikir dan perlu melakukan reset dalam pentadbiran juga pengurusan.

Aspek pengurusan seperti komunikasi risiko dan komunikasi krisis perlu ditangani



oleh pihak IPT sebaik-baiknya agar ketahanan institusi dapat dilestarikan. Tambah beliau, modul ini juga mendukung konsep Menara Ilmu yang menjadi pegangan universiti dalam menggalakkan proses pemindahan ilmu dan kepakaran.

“Bermula dengan satu kajian penyelidikan, ia dipakejkan pula sebagai modul yang dapat digunakan untuk manfaat dan kepentingan awam. Inilah sumbangan unggul para penyelidik demi kebaikan kita bersama”. jelasnya lagi.

Modul ini memberi panduan kepada institusi, terutamanya IPT, berkaitan amalan terbaik dan strategi yang merangkumi penilaian risiko, tadbir urus dan struktur, latihan dan peningkatan kemahiran, pelan komunikasi krisis, keperluan komunikasi sepanjang peringkat kesediaan, tindak balas dan

pemulihian, dan penerapan prinsip-prinsip utama untuk komunikasi risiko yang berkesan.

Pembangunan modul ini dijayakan oleh kumpulan penyelidik UPM yang diketuai oleh Prof. Dr. Azmawani Abd. Rahman dan ahli, iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain, Prof. Ir. Dr. Ts. Mohamed Thariq Hameed Sultan dan Prof. Madya Dr. Mohd Rafee Baharudin. – UPM



Program Cakna Barisan Hadapan tingkat kesejahteraan warga UPM



SERDANG – Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM dan Sahabat Masjid UPM melaksanakan Program ‘Cakna Barisan Hadapan’ dalam menyahut baik inisiatif PUTRA CAKNA, bagi terus meningkatkan kesejahteraan warga UPM ketika pandemik COVID-19.

Program itu melibatkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) barisan hadapan UPM iaitu Bahagian Keselamatan Universiti, Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan Pusat Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (PPKKP) UPM.

Pada program itu, Naib Canselor, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman menyampaikan sumbangan 397 kotak Pelitup Muka kepada Ketua PTJ barisan hadapan UPM ASP Ibrahim Hassan yang juga Ketua Seksyen Pengurusan Operasi, Bahagian Keselamatan Universiti; Ketua Pusat Kesihatan Universiti, Dr. Fauziah Adnan; dan Pengarah PPKKP UPM, Prof. Madya Dr. Mohd Rafee Baharuddin,

Prof. Dr. Mohd Roslan menzahirkan penghargaan kepada WAZAN UPM dan Sahabat Masjid UPM atas keprihatinan menyantuni petugas barisan hadapan UPM dalam melaksanakan tugas mencegah penularan COVID-19, dan berharap Inisiatif Putra Cakna dapat diperluaskan dengan pelbagai program dan aktiviti di peringkat staf dan pelajar UPM.

Pengarah WAZAN UPM, Dr. Haji Razali Othman berharap sumbangan melalui Program “Cakna Barisan Hadapan” itu dapat meringankan bebanan kos yang ditanggung oleh petugas barisan hadapan UPM dalam membuat persediaan untuk bertugas semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pastinya menuntut kos akibat norma baharu.

Pengerusi Sahabat Masjid UPM, Bukryman Sabri berkata Sahabat Masjid UPM bersedia menjadi penghubung atau jambatan antara staf UPM dan WAZAN berkaitan perkara kebijakan dan keperluan mereka ketika PKP.

Inisiatif PUTRA CAKNA yang digerakkan oleh Pengurusan UPM bermatlamat meningkatkan kesejahteraan warga UPM mendepani situasi mencabar akan datang dengan berfokus kepada kesejahteraan Warga UPM secara lebih komprehensif serta inklusif, dengan harapan semua pihak akan turut merealisasikannya menerusi pelaksanaan program untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. – UPM

UPM sertai pameran reruai patriotik Sambutan Bulan Kebangsaan, Kibar Jalur Gemilang KPT

Oleh: Adidi Tamim

PUTRAJAYA, 6 Ogos – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah terpilih di antara beberapa buah universiti di sekitar Lembah Klang untuk bersama-sama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam menyemarakkan lagi Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2021.

UPM melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM diamanahkan untuk menyediakan pameran reruai kemerdekaan yang bertemakan 'Malaysia Prihatin' untuk diletakkan di lokasi foyer bangunan KPT sebagai tanda sokongan dalam memeriahkan sambutan kemerdekaan tahun ini.

Pameran yang diketuai oleh Pengarah PKKSSAAS, UPM, Husalshah Rizal Hussian itu adalah idea kreatif dihasilkan Mohamad Desa Esmahil (BHEP) bersama beberapa

pegawai dan staf antaranya Adidi Tamim (BHEP), Mohd Razali Osman (BHEP), dan Mohd Khairul Zainal Abidin (PKKSSAAS).

Pasukan pempamer juga mendapat sokongan daripada Pejabat Naib Canselor (PNC), UPM dan Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK), UPM dalam menguruskan pergerakan dan kebajikan pasukan UPM ke KPT. Kerjasama beberapa buah PTJ ini dapat merealisasikan semangat esprit de corp yang dihasratkan oleh KPT. – UPM



UPM suntik semangat pelajar atlet ke Sukan Olimpik

Oleh: Muhammad Al-Amin Mustafha



SERDANG, 11 Julai – Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Majlis Ramah Mesra atlet Olimpik UPM secara atas talian bagi menyuntik semangat pelajar atlet UPM yang mewakili negara ke Sukan Olimpik Tokyo yang berlangsung dari 23 Julai hingga 8 Ogos 2021.

Antara atlet UPM yang melayakkan diri ke temasya sukan terbesar dunia itu ialah penerjun elit negara Leong Mun Yee. Ia merupakan kejohanan edisi kelima peribadi beliau dalam kejohanan Olimpik.

Beliau pernah mewakili negara pada Olimpik Sydney (2000), Athens (2004), Beijing (2008) dan Olimpik London (2012).

Katanya, Olimpik Tokyo 2020 bakal menjadi arena Olimpik terakhir bagi dirinya dan akan melakukan yang terbaik dalam membantu kontinen negara untuk membuat pingat.

Selain beliau, dua pelajar atlet UPM yang mewakili negara ke temasya sukan itu ialah Azreen Nabila Alias dalam acara olahraga dan Shaqiera Mashayikh (memanah).

Kedua-dua atlet muda itu mencatat kejayaan cemerlang di kejohanan utama dunia 2020 yang melayakkkan mereka dipilih oleh Majlis Olimpik Malaysia untuk mewakili negara.

Majlis pemberian insentif atlet Olimpik UPM dihadiri Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman bersama pihak pengurusan universiti serta 75 orang atlet kebangsaan yang sedang melanjutkan pengajian di UPM.

Pada majlis itu, Prof. Dr. Mohd Roslan menyampaikan insentif wang tunai RM1,000 setiap seorang. Atlet-atlet itu turut menerima geran bernilai RM2,000 bagi program mobiliti pelajar serta pengecualian yuran pengajian selama dua semester.

Ketua Pusat Sukan UPM, Dr. Hanafiah Ayub berkata UPM sentiasa memberi sokongan penuh kepada atlet yang bertanding dalam memastikan segala keperluan serta kebajikan mereka terjaga.

Penglibatan atlet Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam kejohanan itu memperlihatkan program pembangunan sukan yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Pusat Sukan IPT berada di landasan yang tepat dalam menyediakan atlet bertaraf dunia. – UPM

Datuk Seri Dr. Noraini santuni pelajar UPM di Johor

Oleh: Noor Eszereen Juferi

BATU PAHAT – Menteri Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad menyantuni pelajar Bacelor Kejuruteraan Kimia Dengan Kepujian, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Ilyas Mahmud Husni pada program Sentuhan Kasih Mahasiswa @ KPT Prihatin di sekitar Parit Sulong, di sini.

Datuk Seri Dr. Noraini berkata program itu bertujuan memperkasa kebajikan dalam kalangan warga Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan KPT serta memperkenalkan program berkenaan kepada masyarakat dengan menyediakan platform bantuan bagi meringankan beban kewangan pelajar IPT.

Beliau turut menyerahkan surat tawaran ke universiti UPM dan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)

dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebanyak RM200, komputer riba dan Dermasiswa My Brighter Future sumbangan Yayasan Tenaga Nasional Berhad.

Selain itu, Datuk Seri Dr. Noraini turut menyantuni 22 pelajar IPT sekitar Parit Sulong.

Turut hadir, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Dato' Prof. Dr. Husaini Omar serta wakil universiti awam (UA) antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd. Roslan Sulaiman berkata

UPM mewujudkan inisiatif Putra Cakna bagi menyantuni pelajar dan warga UPM yang terkesan pada pandemik COVID-19.

"Inisiatif Putra Cakna bermatlamat meningkatkan kesejahteraan pelajar serta warga UPM mendepani situasi mencabar dan memfokuskan kepada kesejahteraan secara lebih komprehensif serta inklusif," katanya. – UPM

